

TEKS UCAPAN

**PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN
& MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN
AHLI-AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2009/2010
KHAMIS, 11 FEBRUARI 2010, PUKUL 8:30 MALAM**

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Taala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita telah berkesempatan untuk bertemu pada detik yang bersejarah ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Saudara Mohd Aedlan Nur Ahmad dan rakan-rakan beliau atas kejayaan dalam pemilihan MPP pada 28 Januari 2010 yang lalu dan seterusnya dilantik untuk menerajui MPP bagi sesi 2009/2010.
3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pemangku Dekan JHEPA, Profesor Dr. Mohd Ridzuan Nordin dan ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan MPP Sesi 2009/2010 kerana telah memastikan proses pemilihan berjalan lancar dan telus.

PEMIMPIN MUDA DINAMIK DAN PROGRESIF

4. Saudara dan saudari sekalian,
Kesempatan ini saya ingin berkongsi wawasan, harapan dan aspirasi bersama MPP Sesi 2010/2011 bagi memperkasakan lagi kepimpinan siswa di Universiti ini.

5. Dalam ucapan beliau yang bertema "*Securing Malaysia's Future*" sempena perasmian Bengkel Rancangan Malaysia Kesepuluh KPT pada 11 November 2009 yang lalu, Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin telah menggariskan Generasi Muda Yang Dinamik dan Progresif sebagai sebahagian daripada Agenda Utama KPT sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

6. Beliau telah menyuarakan kekhawatiran terhadap senario semasa generasi muda hari ini. Apakah mungkin mereka boleh menjadi golongan yang dinamik dan progresif jika terus-terusan lena dalam zon selesa yang mengkhayalkan? Para graduan dan siswa hari ini hanya memikirkan tentang perkara-perkara remeh dan mudah – bekerja dengan kerajaan, memiliki kereta, berkahwin dan mencari

wang, sedangkan ada lagi hal-hal lain yang lebih mencabar yang turut memerlukan perhatian mereka.

7. Jelas sekali bahawa kekhuatiran tersebut bukanlah tiada bersebab. Ingin saya ingatkan di sini bahawa kita hanya punya 10 tahun sahaja lagi sebelum tahun 2020. Dalam tempoh masa yang sedikit berbaki ini, adakah generasi muda Malaysia, termasuk anda telah berada pada tahap kesiap-siagaan atau *readiness* yang tinggi untuk menjadi generasi pewaris?

KEKENTALAN KEPIMPINAN

8. Saudara dan saudari tentu sekali biasa mendengar rangkap pantun yang berbunyi: *“Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.”* Sebagai generasi harapan bangsa, para siswa perlulah bersedia untuk menghadapi cabaran di kampus bagi membina kecergasan fizikal, kelasakan mental dan kewarasan akal. Malaysia yang progresif memerlukan anak muda yang kental, berkebolehan dan berkeupayaan tinggi dalam mengurus kepelbagaian serta berani mengambil risiko.

9. Kekentalan fizikal dan akal fikiran di sini bermaksud pembentukan siswa yang berani meneroka, mengembara, melakukan sesuatu yang mengatasi kelaziman (unconventional) dan paling utama, berani gagal. Pada saya MPP mempunyai bertanggungjawab untuk menyedarkan rakan-rakan siswa bahawa kewujudan mereka di kampus ini adalah disebabkan merit mereka. Justeru rasa *pride* atas merit tersebut seharusnya menyuntik keinsafan kepada mereka untuk bersuara dan bertindak secara waras dan berkesan dalam lingkungan kewibawaan dan kesarjanaan dan sesekali tidak dibayangi oleh sebarang pengaruh luar yang memudaratkan taraf Universiti ini sebagai sebuah menara ilmu.
10. Atas kesedaran tersebutlah sehingga Yang Berhormat Menteri telah menyarankan supaya KPT membentuk sebuah dana untuk menggalakkan penonjolan kreativiti, bakat dan potensi siswa Malaysia melalui penganjuran projek berimpak tinggi oleh para siswa.

STUDENT EMPOWERMENT

11. Dalam konteks UMP pula, *student empowerment* telah dan akan terus dipergiatkan. Umpamanya, *Speaker's Corner* di Kafeteria Kolej Kediaman 1 perlulah sentiasa dihidupkan. Barangkali dari

sudut tersebut juga para siswa UMP dapat menyuarakan maklum balas dan penilaian mereka terhadap kualiti perkhidmatan saudara dan saudari sebagai MPP .

12. Premis Pejabat MPP yang kini sedang direnovasi perlu dimanfaatkan seoptimum mungkin apabila siap sepenuhnya tidak lama lagi. Suka saya mengingatkan saudara dan saudari bahawa segala kepercayaan dan kelebihan yang diberikan ini tidaklah datang kosong, sebaliknya hadir bersama akauntibiliti dan pertanggungjawaban yang amat tinggi. Inilah detik dan tempatnya di mana saudara dan saudari perlu berani mencabar ketahanan diri dan kelasakan minda, baik sebagai individu, atau sebagai satu pasukan untuk bekerja dan berkarya dengan kreatif dan inovatif sebagai pemimpin yang dinamik.

SEMANGAT KESUKARELAAN (VOLUNTEERISM)

13. Saudara dan saudari,
Kecemerlangan dan keberkesanan kepimpinan tidak hanya terpancar daripada kepetahan seorang pemimpin berbicara, melontarkan idea atau menabur janji. Sesiapa sahaja mampu bercakap atau beretorik panjang mengenai idealisme, namun

belum tentu individu tersebut tahan diuji dengan cabaran di pentas realiti.

14. Kelasakan dan ketahanan kepimpinan turut dipengaruhi oleh keikhlasan dan kesukarelaan. Dalam konteks MPP, saudara dan saudari telah sukarela menawarkan diri dalam persaingan pada 28 Januari, maka dengan sukarela jugalah niat saudara dan saudari untuk berkhidmat kepada rakan-rakan siswa dan Universiti ini.

15. Semangat kesukarelaan atau *volunteerism* sebenarnya membawa konotasi yang amat luas. Ia lebih dari sekadar turun sekali-sekala ke desa untuk membersihkan perkuburan atau memasak bersama masyarakat setempat. Ia juga lebih daripada aktiviti baktasiswa atau khidmat komuniti. Ia merupakan satu agenda penting yang perlu dijuarai oleh MPP dengan strategik, terarah dan berkesinambungan. Ia juga menuntut sedikit pengorbanan anda untuk menjadi individu yang tidak terlalu “berkira” atau bakhil dalam semua hal, termasuklah yang menuntut perhatian anda sebagai pemimpin.

AGENDA VOLUNTEERISM YANG MENGATASI KELAZIMAN

16. Sebenarnya, ketika kita masih bergelut berbicara tentang aktivitas kesukarelaan, atau masih terperangkap dalam paradigma lama 'baktisiswa', rakan-rakan kita di luar negara telah lebih terkehadapan. Malah, di kebanyakan universiti di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia, aktiviti kesukarelaan telah diinstitusikan melalui pengwujudan *Office of Student Volunteerism*.

17. Di negara-negara dunia pertama ini, *student volunteerism* telah mencapai satu tahap yang amat tinggi, merentasi sempadan dan mengungguli agenda kemanusiaan hingga peringkat antarabangsa. Di *University of Texas at Dallas* umpamanya, agenda *volunteerism* yang dikelolakan para siswanya meliputi program perlindungan haiwan, konservasi alam sekitar, bantuan bencana, advokasi kesejahteraan kanak-kanak, wanita dan orang tua serta kaunseling komuniti melalui aktiviti seperti *Alternative Spring Break*, *Service Saturdays* dan *Viva Volunteer*.

18. Dalam hubungan yang sama juga, agenda *volunteerism* telah begitu berkesan dijuarai oleh rakan-rakan saudara dan saudari di Republik Indonesia. Di Indonesia, agenda *volunteerism* diinstitusikan melalui apa yang dinamakan *Kuliah Kerja Nyata*

Pembelajaran Pemberdayaan Masyarakat. Inisiatif ini telah dipelopori oleh Universitas Gadjah Mada sejak tahun 1971 dan terus berevolusi dengan begitu dinamik hingga hari ini. Pelaksanaan *Kuliah Kerja Nyata* di Indonesia didukung oleh prinsip co-creation atau gagasan bersama, co-financing atau dana bersama, fleksibiliti dan *sustainability* atau berkesinambungan dengan berasaskan penyelidikan.

19. Maka dalam konteks agenda *volunteerism* di UMP khususnya, adakah kita mahu menjadi penonton dan pendengar sahaja kisah-kisah ini? Atau apakah kita sekadar selesa menanda aras sesama rakan-rakan universiti dalam negara sedangkan siswa universiti luar negara telah jauh meninggalkan kita dalam menjayakan agenda *volunteerism* mereka? Atau apakah kita menjadi MPP untuk sekadar memanaskan kerusi, beretorik dan meneruskan apa yang ditinggalkan kepimpinan terdahulu tanpa sebarang pembaharuan yang menambah nilai?

20. Persoalan-persoalan ini sengaja saya lontarkan sekaligus mencabar MPP kali ini untuk mengambil *volunteerism* sebagai satu agenda yang perlu dijuarai. Ketika rakan-rakan anda di IPTA lain asyik bercakaran dan berpolemik tentang isu *labelling*, pro

aspirasi dan pro siswa yang tiada kesudahannya, inilah masanya untuk MPP UMP untuk *stand out of the crowd* yang tipikal dan stereotaip ini untuk mengemukakan agenda *volunteerism* secara serius.

21. Saudara dan saudari perlu tahu keutamaan, hala tuju dan KPI yang perlu dicapai dalam masa setahun ini dan tidak membuang masa untuk bercakaran dan berpolemik tentang perkara remeh-temeh yang tidak menambah nilai sebagaimana yang saya nyatakan tadi.
22. Jangan kita hanya suka melakukan perkara dan aktiviti yang mudah-mudah sahaja, *for the sake of formality only*, tanpa pengisian yang mempunyai “jiwa” dan melengkapkan takwim aktiviti tahunan semata-mata.
23. Pakar-pakar sependapat bahawa penglibatan dalam aktiviti *volunteerism* membantu dalam pembangunan kerjaya seorang siswa pada masa hadapan. Akan terdapat segolongan besar siswa yang begitu culas atau *resist* terhadap proses penerokaan kerjaya melalui aktiviti *volunteerism*. Sekali lagi, ini merupakan cabaran buat MPP 2010/2011. Jika *University of Texas at Dallas* boleh

berbangga dengan aktiviti-aktiviti *Service Saturdays*, *Viva Volunteer* dan *Haiti Disaster Relief*, apakah yang agenda *volunteerism* UMP yang boleh dikemukakan oleh saudara dan saudari sebagai MPP 2010/2011?

MENZIARAH SEMULA LIMA FUNGSI

24. Saudara dan saudari,

Sempena detik bersejarah ini juga, suka saya mengingatkan bahawa apa sahaja yang bakal digagaskan selepas ini sebagai agenda dan program perlulah tidak mengabaikan kelima-lima fungsi utama MPP yang telah digariskan oleh Perlembagaan UMP.

25. Saya juga ingin menasihatkan saudara dan saudari bahawa pemilihan dan pelantikan sebagai ahli MPP datang bersama kepercayaan dan akauntibiliti. Sebagai MPP, saudara dan saudari selepas ini akan banyak terlibat dalam pelbagai perbincangan, mesyuarat dan jawatankuasa di peringkat UMP.

26. Di atas bahu saudara dan saudari tertanggung satu amanah berat untuk membawa pelbagai isu dan agenda kesiswaan dengan profesional dan penuh diplomasi, dengan watak yang waras,

rasional dan matang dan sekali-kali tidak dicemari dengan tingkah laku bersifat konfrontasi, sentimen, prejudis dan emosi yang menjejaskan wibawa dan keserjanaan seorang pemimpin siswa.

27. Ingatlah, seperti yang telah saya katakan beberapa kali sebelum ini, Universiti, MPP, pelajar dan warga UMP secara keseluruhan adalah “agen perubahan”. Pada kita terletak tanggungjawab untuk membentuk dan mencorak masyarakat Malaysia yang sejahtera dan progresif. Umpamanya, menjelmakan 1 Malaysia seharusnya menjadi agenda utama masyarakat kampus ini.

28. Saya amat yakin dengan kemampuan sdr sdr untuk membawa perubahan. Malah pada pengamatan saya, pelajar-pelajar UMP itu sendiri telah menunjukkan yang mereka mahukan perubahan yang positif. Lihat sahajalah bagaimana proses pilihan raya 28 Januari itu sendiri telah berjalan dengan tanpa kejadian yang tidak diingini dan yang boleh mencemarkan pelajar-pelajar itu sendiri selaku siswa yang matang, bijaksana dan punya pertimbangan sendiri. Dengan tanpa campur tangan sesiapa, mereka juga telah memastikan yang semua golongan rakan-rakan mereka dapat terlibat dalam proses demokrasi kampus. Tidak kurang

mengkagumkan ialah satu pemilihan calon-calon wanita secara besar-besaran berlaku dalam tahun ini.

PENGHARGAAN TERHADAP 2008/2009

29. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan daripada pengurusan Universiti Malaysia Pahang, kepada mantan Yang Dipertua dan seluruh ahli MPP 2008/2009. Saya percaya, Saudara Mohd Suffi dan rakan-rakan beliau telah berusaha untuk melakukan yang terbaik sepanjang penggal pentadbiran mereka sebagai MPP.

30. Saya juga berharap, pengalaman dan pendedahan yang telah diperolehi sepanjang tempoh tersebut dapat diserap dengan penuh keikhlasan sebagai sebahagian proses penerokaan ilmu dan pembelajaran. Syabas dan tahniah diucapkan atas komitmen dan usaha yang telah diperlihatkan oleh saudara dan saudari. Kini tibalah masanya untuk saudara dan saudari membina kecemerlangan masa hadapan dengan berbekalkan ilmu dan pengalaman yang telah ditimba tersebut.

KATA PENUTUP

31 . Mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan tahniah kepada pihak JHEPA atas penganjuran acara ini dan saya turut berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala memberikan kekuatan, keazaman dan bimbingan kepada MPP Sesi 2010/2011 yang diterajui oleh Saudara Mohd. Aedlan Nur untuk berkhidmat dengan komited dan penuh keikhlasan kepada Universiti ini.

Sekian,

wabillahi taufiq wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.